

Newspaper	Berita Harian
Date	27/8/2013

# 'Utama kepentingan negara'

BH - 27/8/2013

» Dr M saran kerajaan beri pertimbangan serius sebelum sertai TPPA

► Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad menggesa kerajaan supaya memberi pertimbangan serius sebelum memutuskan untuk menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dengan meletakkan kepentingan negara sebagai agenda utama.

Walaupun negara tidak menandatangani TPPA, bekas Perdana Menteri itu melahirkan keyakinannya bahawa Malaysia tetap boleh terus berkembang dari segi daga-

ngan antarabangsa.

"Malaysia sudah sekian lama menjadi negara dagangan dan nilai dagangan negara juga meningkat dari tahun ke tahun. Dari sebuah negara yang mempunyai pendapatan perkapita cuma AS\$350, kini meningkat sehingga kepada AS\$9,000 perkapita.

## Jumlah dagangan besar

"Jumlah dagangan negara bernilai hampir AS\$1 trilion dan jumlah ini masih antara yang terbesar bagi sebuah negara yang kecil. Tanpa TPPA, kita dapat membesarkan dagangan negara dan memperoleh keuntungan daripadanya.

"Kenapa kita harus menerima perjanjian ini yang akan membuka pasaran negara kepada modal dan teknologi mereka (AS)," katanya ketika menyampaikan ucap-tama pada Persidangan Meja Bulat TPPA,

di sini semalam.

Selain itu, Dr Mahathir turut berkata, Malaysia bakal terdedah kepada jualan mata wang tempatan kerana kawalan ke atas kadar pertukaran tidak dibenarkan di dalam TPPA.

## Perjanjian bebas

TPPA adalah satu bentuk perjanjian bebas yang berusaha untuk mewujudkan suasana dalam keadaan kegiatan perdagangan dan pelaburan merentasi sempadan negara yang akan dapat dijalankan oleh syarikat perniagaan di semua negara yang menyertai perjanjian itu.

Perjanjian yang dalam proses rundingan itu membabitkan 12 negara, iaitu Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Malaysia, Kanada, Chile, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam dan Jepun.

**BERNAMA**



“Kenapa kita harus menerima perjanjian ini yang akan membuka pasaran negara kepada modal dan teknologi mereka”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Bekas Perdana Menteri